

'Elak calon bermasalah bertanding di Hulu S'gor'
Malaysiakini.com
April 7, 2010
Abdul Rahim Sabri

Pakar sejarah, Datuk Profesor Dr Ramlah Adam menasihatkan Barisan Nasional (BN) supaya jangan meletakkan calon yang bermasalah untuk bertanding, termasuk dalam pilihan raya kecil Hulu Selangor.

Nasihat itu diberikan oleh pakar sejarah Datuk Profesor Dr Ramlah Adam ketika ditemui di konvensyen BN Selangor di Shah Alam hari ini.

"Faktor calon dapat menjawab segala persoalan," katanya.

Dr Ramlah yang juga dekan fakulti sains pentadbiran dan pengajian polisi UITM adalah antara penceramah di Konvensyen BN tersebut.

Ditanya mengenai kemenangan bekas menteri besar Negeri Sembilan Tan Sri Isa Samad dalam pilihan raya kecil DUN Bagan Pinang beberapa bulan

lalu, sedangkan beliau adalah "orang lama", Ramlah berkata:

"Di Bagan Pinang kes lain... saya tahu bagaimana beliau bekerja. Beliau turun (ke) bawah (bertemu rakyat)".

Ditanya sama ada Tan Sri Muhammad Muhd Taib juga boleh bertanding di pilihan raya kecil Hulu Selangor 25 April ini, Ramlah berkata:

"Tan Sri Muhammad dah buat banyak sumbangan... biarlah masa berlalu, jangan timbulkan (sejarah lalu) berkali-kali.

"Napoleon pun naik hanya sekali. Orang lama kena beri peluang kepada orang muda," katanya.

Copyright © 1999-2007 Mkini Dotcom Sdn. Bhd.
Source : <http://www.malaysiakini.com/news/128537>